

SIARAN MEDIA

MyCC SIASAT ISU KENAIKAN HARGA TELUR AYAM

KUALA LUMPUR, 13 DISEMBER 2018 - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengesahkan bahawa sedang bekerjasama rapat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi mengenalpasti sebarang elemen anti-persaingan yang mungkin berlaku di dalam pasaran telur ayam tempatan.

Selain daripada isu pencatutan yang mungkin menjadi penyebab kepada isu kenaikan harga telur ayam, Suruhanjaya turut melihat kepada perlakuan anti persaingan yang diamalkan oleh perusahaan seperti kartel penetapan harga, pembahagian kawasan persaingan dan menghadkan pengeluaran secara sengaja. Suruhanjaya akan mengambil kira harga harian dan jumlah pengeluaran telur ayam dalam menilai perkara ini.

Sebagai tambahan, Suruhanjaya juga akan melihat dengan teliti aktiviti mengeksport telur ayam ke pasaran luar negara yang semakin meningkat kebelakangan ini.

“Suruhanjaya akan menggunakan segala kuasanya yang ada di bawah Akta Persaingan 2010 untuk berkerjasama rapat dengan pihak berkepentingan yang relevan dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana perusahaan yang terlibat dalam sebarang kegiatan kartel demi memastikan kesejahteraan

serta kepentingan pengguna di Malaysia kekal terpelihara” kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia.

--tamat--

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noorliza Abdul Latiff, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: noorliza@mycc.gov.my

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Suruhanjaya Persaingan)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan Suruhanjaya Persaingan, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.